

KERATAN AKHBAR

JUDUL : Kosmo

TARIKH : Khamis, 17 Januari 2013

M/S : 20



SEBAHAGIAN peserta bersama hadiah yang dimenangi pada Program Bijak Jawi Kampung Fikri, Setiu baru-baru ini.

100 peserta sertai Program Bijak Jawi

MARTABAT JAWI. Kira-kira 100 peserta termasuk pelajar sekolah menyemarakkan tulisan jawi apabila menyertai pertandingan Program Bijak Jawi di Perpustakaan Desa (PD) Kampung Fikri, Setiu, Terengganu baru-baru ini.

Penyelia PD Zon 1 (Perpustakaan Negara Malaysia) Daerah Setiu, Norliza Mohamad Radzi

berkata, program berkenaan terbahagi kepada dua kategori iaitu Tulisan Jawi Cantik dan Mewarna Jawi.

"Program ini bertujuan untuk mempopularkan semula penulisan jawi agar tidak pupus dalam kalangan generasi pada masa depan," katanya.

Bagi kategori Tulisan Jawi Cantik, tempat pertama

dimenangi Pembantu Taska Yayasan Pembangunan Keluarga, Nurul Athirah Mohd. Arif, 24.

Kategori Kanak-Kanak pula dimenangi oleh pelajar Nurizzah Liyana Mohd. Apendi, 11, diikuti Wan Nur Fatimah Wan Nasri, 11, pada tempat kedua dan Nur Fajar Aiyani Shamsukamal, 10, pada tempat ketiga.